

SIARAN MEDIA

LAWATAN YB MENTERI NRECC KE PROJEK SPAH DI PULAPOL JALAN SEMARAK, KUALA LUMPUR

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Nik Nazmi Nik Ahmad telah membuat lawatan kerja ke Projek Sistem Penuaan Air Hujan (SPAH) di Pusat Latihan Polis Diraja Malaysia (PULAPOL) Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

SPAH di PULAPOL Kuala Lumpur adalah salah satu daripada empat (4) projek di bawah Kajian Dan Prototaip Kecekapan Air - Sistem Tuaian Air Hujan Di Bangunan Kerajaan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia kepada NRECC pada tahun 2022.

Projek ini bertujuan untuk memberikan sokongan bekalan air alternatif, khususnya air hujan, kepada kawasan-kawasan yang menghadapi masalah dalam mendapatkan bekalan air mentah.

Selain itu, projek ini juga mengurangkan pembaziran penggunaan air terawat untuk kegunaan umum, memandangkan pengguna hanya bergantung kepada bekalan air paip tanpa akses kepada bekalan air alternatif.

Projek ini melibatkan pembinaan SPAH di struktur bumbung Garaj Bas sedia ada berukuran 50m x 12m (600m²) dan tangki simpanan air hujan bersaiz 5m x 5m x 3m yang boleh menampung sejumlah 75 meter padu air hujan, sebuah rumah pam, sistem perpaipan, dan sistem mekanikal & elektrikal.

Ia turut dilengkapi dengan sistem telemetri yang bertindak sebagai sistem Internet Pelbagai Benda (IoT) bagi pemantauan, pengumpulan data setiap penggunaan air hujan dan sebagai pengesanan kerosakan sistem.

Pembinaan SPAH ini adalah untuk kegunaan bukan minuman (non-potable use) seperti cucian kenderaan, siraman taman/lanskap dan pembersihan am yang mampu memberi manfaat kepada warga PULAPOL disamping memupuk kesedaran awam akan kepentingan penjimatan penggunaan air terawat sedia ada dan dapat mengurangkan kos bil penggunaan air terawat.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)

2 November 2023